

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 9 TAHUN 2017**

**DASAR PEMBERIAN MILIK TANAH KERAJAAN DI BAWAH  
SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA 1965 KEPADA KEPADA  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**


-----

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 13/2017 yang bersidang pada 21 Jun 2017 melalui Kertas Bil. 13/2017/D 13 (103) pada dasarnya bersetuju untuk menimbang semua permohonan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- i. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah membayar premium tanah sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 5A sebagaimana Seksyen 81 dan 82 Kanun Tanah Negara 1965 serta lain-lain bayaran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana tempoh yang dinyatakan didalam Borang 5A tersebut.
- ii. Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak menjelaskan bayaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 5A di para (i) diatas, maka tanah tersebut akan diwartakan di Bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965, seterusnya memberi pajakan di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965 kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan.

iii. Sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memohon milik tanah tersebut hendaklah mengemukakan permohonan baru kepada Pihak Berkuasa Negeri pada bila-bila masa.

2. Sehubungan dengan ini Pentadbir – Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil maklum dan mengambil tindakan berkenaan keputusan Pihak Berkuasa Negeri diatas dan Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

  
.....  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN**

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN**  
**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**  
**15576 KOTA BHARU.**  
**FAIL NO : PTG.KN.44/85 Jld.4(16)**  
**BERTARIKH : 30 SYAWAL 1438H**  
**24 JULAI 2017**